

JABATAN PERHUTANAN
KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN
JALAN MENTERI BESAR, BANDAR SERI BEGAWAN BB3910
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

SYARAT-SYARAT DAN KEPERLUAN YANG MESTI DIPATUHI OLEH SEMUA PENENDER YANG INGIN MENGAMBIL BAHAGIAN BAGI SEBARANG SEBUTHARGA DI JABATAN PERHUTANAN ADALAH SEPERTI BERIKUT:-

1. Sebutharga hendaklah dihadapkan kepada alamat berikut:

Jabatan Perhutanan
Tingkat 2, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan
Jalan Menteri Besar
Bandar Seri Begawan BB3910
Negara Brunei Darussalam

2. Sebutharga yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan;
3. Sebutharga hendaklah dalam sampul surat yang bertutup dan pada bahagian atas sebelah kiri sampul surat hendaklah ditulis dengan bilangan / tajuk sebutharga dan tarikh tutup sahaja tanpa menunjukkan identiti syarikat / penender;
4. Dokumen-dokumen dan borang-borang sebutharga serta keterangan lanjut boleh diperolehi di:

Jabatan Perhutanan
Tingkat 2, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan
Jalan Menteri Besar
Bandar Seri Begawan BB3910
Negara Brunei Darussalam

Hari Isnin – Khamis
8.30 pagi – 11.00 pagi

Tarikh Tutup Sebutharga:
Khamis 08 Mei 2025, 2.00 petang

5. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak terikat untuk menerima sebutharga yang paling rendah;
6. Sebutharga ini adalah dikhususkan untuk Syarikat-Syarikat yang mempunyai lesen tertentu di bawah Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan sahaja;



7. Semua penender **mesti menghadiri Sesi Taklimat serta Lawatan ke Tapak Projek** yang akan diadakan pada:

(i) **Sebutharga:** JPH/SH/2542/2024-2025 **MEDIA COVERAGE (PHOTO & VIDEO) AND VIDEO PRODUCTION FOR EXPEDITION & CONFERENCE, BRUNEI MID YEAR CONFERENCE & EXHIBITION 2025 (MYCE 2025)**

Pada: 03 Mei 2025 (Sabtu)

Jam: 02.00 petang

Tempat: Bilik Mesyuarat Rimbawan, Jabatan Perhutanan

8. Penender hendaklah membaca, memahami dan meneliti kesemua kandungan di dalam Borang Dokumen Sebutharga dan Spesifikasi Teknikal serta mengisi semua ruang-ruang yang diperlukan dengan **LENGKAP** dan **TERATUR**;
9. Penender mestilah menyertakan salinan **SIJIL PENDAFTARAN PERNIAGAAN seperti Lesen Perniagaan bilangan 16 & 17, Business License** bagi Syarikat Berhad & Sendirian Berhad, Lesen-Lesen yang berkaitan seperti yang dipersyaratkan dalam sebutharga ini, Sijil Pendaftaran Syarikat di Jabatan Perhutanan, resit pembayaran dokumen, senarai pemilik, kad pengenalan pemilik Syarikat bagi Rakyat Brunei dan / atau passport bagi warganegara asing, pengetahuan / pengalaman syarikat dan lain-lain keterangan yang berkaitan;

BORANG PENDAFTARAN SYARIKAT(jika belum berdaftar): \$10.00

BORANG SEBUTHARGA: \$5.00

-TIDAK DIKEMBALIKAN-

10. Tarikh **terakhir** untuk membeli dokumen sebutharga adalah pada **08 Mei 2025 (Khamis), 09.00 pagi**.

